

NO SOALAN :13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
(KANOWIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2015

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senario sebenar ke atas harga barang, kos perkhidmatan dan harga hartanah di Malaysia selepas pelaksanaan cukai GST bulan April 2015 .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Cukai jualan pada kadar 0%, 5% dan 10% dikenakan ke atas

barang-barang yang dikilang atau diimport manakala cukai perkhidmatan pada kadar 6% pula dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu. Di bawah GST, hanya satu kadar standard dikenakan iaitu 6% manakala pelbagai makanan asasi dan keperluan utama dikenakan kadar sifar. Berikutan ini, berdasarkan simulasi ke atas 944 barang dalam *basket of goods*, Indeks Harga Pengguna, 532 barang atau 56 peratus dijangka mengalami penurunan harga sehingga 4.1 peratus. Antara produk tersebut adalah ubat-ubatan, barangan elektrik seperti peti sejuk dan mesin basuh, produk tekstil, barangan plastik seperti baldi dan pinggan mangkuk, kasut dan selipar, perabot rumah, lampin bayi, sabun, daging, telur ayam, minyak masak, makanan laut, beras dan sayur-sayuran. Untuk kemudahan pengguna, Shoppers' Guide telah dikeluarkan untuk menunjukkan perubahan harga ini dengan terperinci.